

28/08/1999

Taraf universiti disambut baik

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pelbagai pihak, termasuk persatuan pelajar, menyambut baik langkah kerajaan menaikkan taraf Institut Teknologi Mara (ITM) kepada Universiti Teknologi Mara (Unitekma) tanpa mengubah dasarnya yang mengutamakan Bumiputera.

Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) berkata, usaha itu selaras dengan peranan besar ITM, yang berjaya melahirkan ramai graduan Bumiputera bagi membantu pembangunan negara.

Naib Presidennya, Ahmad Saparudin Yusup, berkata langkah itu juga memberi rangsangan baru kepada pelajar, tenaga akademik dan pentadbir ITM untuk terus meningkatkan kecemerlangan selaras matlamat menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau.

"Pengumuman menaikkan taraf ITM menjadi universiti juga satu pengiktirafan kepada segala usaha tenaga akademik dan pentadbir ITM yang bertungkus-lumus menyumbang ke arah kesinambungan kecemerlangan pendidikan Bumiputera," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Kenaikan taraf ITM itu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pertemuannya dengan pelajar institut itu, semalam.

Langkah itu, kata Perdana Menteri, selaras dengan perkembangan pesat ITM dalam melahirkan ramai siswazah yang cemerlang serta memainkan peranan fungsi penting dalam pembangunan negara.

Menyokong langkah kerajaan itu, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), berharap supaya kerajaan tidak menaikkan yuran pengajiannya.

Setiausaha Agungnya, Syed Anuar Syed Mohamad berkata, pihaknya yakin kerajaan meneliti perkara itu dan berpuas hati dengan jaminan kerajaan bahawa isu yuran tidak akan menjadi beban kepada pelajar.

Sementara itu, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Ibrahim Ali, menafikan kenaikan taraf ITM kepada universiti bukanlah satu gimik politik menjelang pilihan raya.

Sebaliknya, kata beliau, langkah itu membuktikan keprihatinan kerajaan Barisan Nasional (BN) kepada keperluan dan kehendak rakyat.

Menyifatkan anggapan begitu sebagai karut dan hasil daripada pemikiran yang sempit serta tidak bertanggungjawab, beliau berkata sebagai kerajaan yang dipilih secara demokrasi, BN sentiasa mengambil kira kepentingan rakyat dalam segala tindakannya.

(END)